

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
(PADANG BESAR)**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) adakah kementerian akan mempertimbangkan mewujudan segera 'Amanah Saham Veteran oleh LTAT atau agensi yang sesuai bagi menjaga kebijakan dari sudut 'aset dan aliran pendapatan yang konsisten bagi para Pesara Tentera (Veteran)' apabila mereka bersara; dan
- (b) adakah sumbangan geran awal kepada Pesara Tentera baharu dan lama bagi menyertai Skim tersebut akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) merupakan sebuah Badan Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLC) dan ia beroperasi di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101). LTAT bertanggungjawab menerima dan menguruskan wang caruman anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang sedang berkhidmat. Berdasarkan kepada peruntukan Akta tersebut, LTAT tidak dibenarkan mengurus dana selain daripada yang termaktub di dalam Akta.

**SOALAN ( 36 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17 OKTOBER 2016  
[ ISNIN ]

DARIPADA : Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI  
[ SUNGAI BESAR ]

**SOALAN :-**

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd. Zohdi [ Sungai Besar ] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah lesen dan permit iklan Pemberi Pinjam Wang (PPW) yang telah dikeluarkan sehingga kini dan apakah usaha yang dilakukan bagi membanteras masalah PPW haram di negara ini.

**JAWAPAN:-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2016, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan sebanyak 3,612 lesen pemberi pinjam wang (PPW) di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,467 jumlah lesen PPW yang telah dikeluarkan bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, manakala bagi Sabah, Sarawak dan Labuan pula sebanyak 1,145 lesen telah dikeluarkan.

Manakala bagi permit iklan pula, sehingga 30 September 2016, sebanyak 845 permit iklan telah dikeluarkan. Bilangan permit iklan tidak sama dengan bilangan lesen yang dikeluarkan kerana di dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] tidak mewajibkan pemegang lesen untuk mengiklankan perkhidmatan mereka. Selain itu, pemberi pinjam wang juga dibenarkan untuk memiliki perniagaan lain selain daripada aktiviti pemberi pinjaman wang. Misalnya, syarikat yang menjalankan perniagaan jual beli kendaraan dan pada masa yang sama turut menawarkan perkhidmatan PPW sebagai aktiviti sampingan.

KPKT bertanggungjawab memastikan PPW yang dilesenkan mengendalikan perkhidmatan pemberi pinjaman wang selaras dengan peruntukan Akta 400 dan Peraturan-Peraturan yang ditetapkan.

KPKT juga bekerjasama dengan pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam membanteras masalah PPW haram (lazimnya dikenali sebagai Ah Long) di negara ini. Orang awam juga boleh membuat semakan atas talian bagi memastikan sama ada pihak yang menawarkan pinjaman adalah PPW berlesen dengan melayari <https://emaps.kpkt.gov.my>. Melalui kaedah ini, orang awam dapat mengelak daripada menjadi mangsa penipuan oleh PPW haram.

KPKT turut mengadakan program seranta awam bagi meningkatkan kesedaran orang awam supaya memahami hak-hak seorang peminjam dan tidak terjerat dalam membuat pinjaman dengan PPW tidak berlesen. Antara program-program yang pernah dijalankan ialah siaran akhbar, mengambil bahagian dalam wawancara televisyen dan radio, kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membanteras isu poster dan iklan PPW haram dan usahasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dalam menyekat nombor-nombor telefon yang dipercayai digunakan dalam aktiviti PPW haram. Kementerian turut membekalkan maklumat berkaitan status lesen kepada JSJK, PDRM bagi membantu siasatan yang dijalankan.